


## Penipuan Iklan Pekerjaan



FELDA telah menerima makluman berkaitan satu iklan pekerjaan yang dikeluarkan sebuah syarikat media di Nepal yang mendakwa ia menawarkan tawaran pekerjaan bersama Felda Technoplant Sdn Bhd. FELDA ingin memaklumkan bahawa iklan dikeluarkan oleh media dan agensi pekerjaan Khoji ini adalah palsu.

FELDA dan subsidiarinya tidak pernah melantik Khoji atau mana-mana agensi pekerjaan di Nepal bagi keperluan operasi ladangnya. Felda Technoplant Sdn Bhd juga tidak lagi menggunakan nama ini sebaliknya telah dijenamakan semula sebagai Felda Plantation Management Sdn Bhd bagi menjalankan tugas pengurusan ladang FELDA.

Bagi memelihara kepentingan umum, FELDA menasihatkan orang awam supaya menghubungi Ibu Pejabat FELDA bagi mengesahkan sebarang tawaran pekerjaan atau iklan pekerjaan yang dikeluarkan oleh pihak ketiga.

Pengesahan tawaran pekerjaan boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut:

**e-mail** : [jkk@felda.net.my](mailto:jkk@felda.net.my)

**Laman sesawang** : <https://felda.spab.gov.my>  
(untuk pertanyaan dan aduan)

**Whatsapp** : [+6012-2594214](https://wa.me/60122594214)